



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

KPDN PROMOSI PRODUK TEMPATAN MELALUI KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2023

PUTRAJAYA, 4 DISEMBER 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) komited dalam memperkukuhkan penjenamaan dan promosi produk Malaysia, serta memantapkan kedudukannya sebagai satu kuasa di pasaran antarabangsa melalui **Karnival Barangan Malaysia 2023**.

2. Untuk makluman, **KPDN** bakal menganjurkan **Karnival Barangan Malaysia 2023** yang akan berlangsung dari **13 hingga 17 Disember 2023** di **IOI Grand Exhibition & Convention Centre and IOI City Mall, Putrajaya**.

3. Acara tahunan ini akan menjadi satu platform penting kepada peniaga untuk mempamerkan produk mereka, mengembangkan jalinan, dan berkolaborasi dengan rakan-rakan strategik yang berpotensi, dan seterusnya mengetengahkan produk mereka kepada rakyat Malaysia.

4. **Karnival Barangan Malaysia 2023** ini akan melibatkan lebih **100 pempamer** merangkumi pelbagai produk, dari seni tradisional hingga inovasi moden. Pengunjung berpeluang untuk meneroka dan melihat kepelbagaian produk Malaysia, dan ini adalah peluang yang baik bagi pengguna untuk menemui produk-produk baru, disamping menyokong perniagaan produk tempatan, serta berbangga dengan warisan negara.

5. **KBM 2023** yang bakal berlangsung selama lima hari bertujuan untuk **mempamerkan dan meraikan kepelbagaian, kualiti, dan inovasi produk Malaysia**. Antara objektif utama yang ingin disampaikan oleh **KPDN** adalah **produk tempatan Malaysia bukan sahaja mempunyai kualiti bertaraf dunia, tetapi juga mempunyai potensi besar untuk dipasarkan ke luar negara**. Melalui peningkatan pengiktirafan dan penjenamaan di peringkat global, produk Malaysia dapat menjadi duta bagi budaya dan warisan negara.

6. Pelbagai inisiatif strategik telah dirancang oleh Kerajaan melalui **KPDN** untuk membantu perniagaan dan industri tempatan mencapai kejayaan baharu sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Orang ramai dijemput hadir beramai-ramai untuk memeriahkan **KBM 2023** pada kali ini. Sila layari **media sosial Kempen Beli Barangan Malaysia (Facebook; Kempen Beli Barangan Malaysia, Instagram; @kempenbelibaranganmalaysia, X; @KBBMKPDN, TikTok; @kbbm_my, dan YouTube; @kempenbelibaranganmalaysia2023)** bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai pelbagai aktiviti Karnival Barangan Malaysia 2023.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
PUTRAJAYA, 4 DISEMBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

